

# Masih banyak cabaran perlu dihadapi: PM

BH 27 JAN 2011

Oleh Ahmad Zaini Kamaruzzaman dan Johari Ibrahim

SIK, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta orang Melayu jangan leka dengan kejayaan Umno memajukan rakyat dan negara kerana masih banyak cabaran yang perlu dihadapi pada masa depan.

Perdana Menteri berkata, walaupun Umno berjaya mencipta pelbagai kejayaan untuk faedah rakyat, orang Melayu masih lemah dan perlu terus berjuang menaikkan taraf hidup.

Beliau berkata, antara cabaran yang perlu dihadapi ialah ancaman dalam dan luar negara yang sengaja mahu memecah-belahkan perpaduan rakyat, khususnya orang Melayu bagi kepentingan politik parti.

Katanya, ketika parti pembangkang berusaha menjatuhkan kerajaan dengan menyebarkan pelbagai dakwah palsu, termasuk memutar-belit ajaran Islam, kuasa asing turut menghasut rakyat membenci kerajaan bagi menjajah semula negara menggunakan globalisasi ekonomi sebagai alasan.

Justeru, Dr Mahathir berkata rakyat khususnya orang Melayu jangan memandang mudah dalam membuat pemilihan siapa yang membentuk kerajaan kerana tidak semua pihak mampu mentadbir dan menguruskan negara seperti yang berjaya dilaksanakan Umno dan Barisan Nasional (BN).

Beliau juga menegaskan bahawa orang Melayu masih lemah walaupun Umno banyak mencapai kejayaan dan menghasilkan golongan profesional serta menyediakan pendidikan kepada orang Melayu.

“Jangan fikir dah capai

**“Jangan fikir dah capai kejayaan setakat ini, tidak perlu takut tentang masa depan anak cucu kita. Bukan semua kerajaan di dunia ini berjaya. Ada kerajaan lain yang rakyat mereka miskin dan negara tidak aman”**

– Perdana Menteri,  
Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

kejayaan setakat ini, tidak perlu takut tentang masa depan anak cucu kita. Bukan semua kerajaan di dunia ini berjaya. Ada kerajaan lain yang rakyat mereka miskin dan negara tidak aman.

“Jika kita pilih orang yang tidak berkebolehan kita tidak dapat manfaat. Kita pangkah parti lawan kerana marah calon BN yang bukan orang kita. Marahkan nyamuk kelambu dibakar. Marahkan isteri, baling pinggan mangkuk.

“Ini bukan cara kita. Ia (perlu) berasaskan akal, penilaian dan perhitungan. Bukti ada kita telah banyak lakukan pembangunan dan perubahan serta kejayaan.

“Bagaimanapun, kejayaan itu bukan jaminan kita selamat. Masa depan akan lebih mencabar kerana masih ada banyak masalah. Kita mesti capai kejayaan lebih tinggi supaya selamat daripada ancaman,” katanya di majlis perjumpaan mesra dengan kepimpinan Umno bahagian Sik dan Baling, di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sik, hari ini.

Hadir bersama kira-kira 1,000 pemimpin dan ahli Umno ialah Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Datin Seri Dr Siti

Hasmah Mohamad Ali.

Turut sama Penasihat Agama Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman yang juga Ketua Umno bahagian Sik dan Timbalan Ketua Umno bahagian Baling, Datuk Zainol Md Isa.

Pertemuan berkenaan adalah yang kedua dengan Umno di Kedah selepas Dr Mahathir menemui pemimpin cawangan dari bahagian Pokok Sena dan Padang Terap, semalam.

Dr Mahathir juga berkata, perjuangan Umno masih belum selesai dan perlu terus bersatu bagi memastikan parti bertambah kuat dan terus menang pada pilihan raya umum akan datang.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan pemimpin bahawa kemenangan bukan untuk diri sendiri dengan mempunyai kedudukan yang lebih baik, ada kuasa dan duduk dalam bilik berhawa dingin.

“Mereka yang kita pilih adalah untuk berkhidmat dan pertahan serta memulihkan maruah negara.

“Mereka diberi gaji untuk menjalankan tugas bagi kebaikan rakyat serta negara lebih maju supaya rakyat dapat manfaat. Itulah sebab kita cari kemenangan,” katanya.